

18 OCT 2002

Khalil-Gerbang/I

MALAYSIA AKAN WUJUDKAN GERBANG MAKLUMAT SELATAN-SELATAN - KHALIL

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia bercadang menubuhkan pusat media dikenali sebagai South-South Information Gateway (SSIG) atau Gerbang Maklumat Selatan-Selatan dalam usahanya membekalkan sumber awal dan sahih berita dan maklumat dari negara-negara Selatan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata pusat itu akan berperanan sebagai depository bagi semua berita dan program TV di dalam kawasan Selatan.

"Idea asas bagi inisiatif ini ialah untuk mempromosikan kepentingan terbaik negara-negara Selatan-Selatan menerusi pertukaran bahan berita dengan memberi penekanan kepada perspektif Selatan," katanya semasa berucap pada perasmian persidangan ketujuh Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab untuk penerangan, di sini, hari ini.

Khalil berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan SSIG semasa Dialog Antarabangsa Langkawi pada 1999.

Dr Mahathir telah menyatakan tentang pentingnya perkongsian pintar yang perlu dilaksanakan oleh semua negara demi kemakmuran bersama dan perkongsian faedah sama rata di kalangan negara-negara Selatan, katanya.

Khalil berkata Malaysia dan negara-negara Selatan sudahpun melancarkan Smart News Network International (SNNI) tahun lepas dan ia akan menjadi satu daripada komponen SSIG.

"Adalah diharapkan dengan pertukaran bahan dan program berita di kalangan negara-negara Selatan-Selatan, kita dapat membalas pandangan dan pendapat yang salah serta persepsi negatif media Barat dan dengan itu, dapat menghantar maklumat secara terus kepada para klien kami," katanya.

Pada masa ini, laporan-laporan berorientasikan Barat memberikan pandangan mereka sendiri termasuk sistem yang diamalkan negara-negara Selatan sama ada input dari sumber-sumber tempatan atau "pakar segera" yang menulis dengan terperinci dan penuh wibawa selepas berada di sesebuah negara hanya beberapa hari.

"Mereka yang dipanggil pakar ini cenderung untuk datang dengan jangkaan atau tanggapan awal mengenai sesebuah negara itu dan terus mencari bukti untuk menyokong teori mereka, sama ada mengenai isu hak asasi manusia atau jerebu atau apa juga yang menjadi minat akhbar atau agensi yang menghantar mereka," katanya.

Khalil juga berkata Malaysia sentiasa mengambil langkah serius ke arah menggalakkan kesedaran meluas tentang ASEAN di kalangan rakyatnya.

Beliau berkata perkhidmatan media dan maklumatnya, sama ada awam atau swasta, telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan berita mengenai ASEAN.

Media awam Malaysia telah melaksanakan usaha memperkenalkan ASEAN dalam pelbagai program manakala media cetak banyak menyokong usaha kerajaan mempromosikan ASEAN di kalangan rakyatnya dan masyarakat antarabangnya.

Media elektronik juga melaksanakan peranan yang aktif dan positif dalam mempromosikan Asean dalam program harian mereka, katanya.

Mengenai ASEAN, Khalil berkata negara-negara Asia Tenggara berjaya mengikat diri mereka dengan persahabatan dan kerjasama dalam perkumpulan serantau itu menerusi usaha bersama dan pengorbanan untuk rakyat mereka serta restu bagi keamanan, kebebasan dan kemakmuran.

Walaupun ada masanya mereka bertikai dengan negara jiran, masalah itu dapat diselesaikan menerusi cara aman, katanya.

"Ciri-ciri dalam hubungan antara ASEAN ini adalah tiang bagi kestabilan

dan kedinamikan perkumpulan itu," katanya.
-- BERNAMA
AFY AFY NAK